



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 19 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



19/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	300 KETUA ISI RUMAH DUN AYER KUNING TERIMA BANTUAN JKM		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2403569	BERNAMA.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=Fa0HBfJmk48	YOUTUBE	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2403572	BERNAMA.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/737618	MALAYSIAKINI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/18/prk-ayer-kuning-isu-terkini-parti-lawan-beri-kelebihan-kepada-bn/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://mgperak.com/dun-ayer-kuning-300-kir-terima-bantuan-jkm-150000-sebulan/	MGPERAK.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PERAK PERUNTUK RM245,000 NAIK TARAF LAPAN RUMAH ANAK YATIM		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/perak-peruntuk-rm245000-naik-taraf-lapan-rumah-anak-yatim/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/18/perak-govt-allocates-rm245000-to-enhance-welfare-centres-for-orphans-and-schools	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2403678	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	AIDILFITRI: 738 KLIEN JKM BANTUAN SEJAMBAK KASIH DI MIRI		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/03/18/aidilfitri-738-klien-jkm-bantuan-sejambak-kasih-di-miri/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/sejambak-kasih-programme-brings-festive-cheer-to-welfare-recipients/	SARAWAKTRIBUNE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



19/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	ASNAF, GOLONGAN ISTIMEWA DIRAI BERSAMA TM-JKM		POSITIF
	https://harakahdaily.net/index.php/2025/03/18/asnaf-golongan-istimewa-dirai-bersama-tm-dan-jkm/	HARAKAHDAILY.NET	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KERJASAMA KUKUH SEKTOR KORPORAT, AGENSI KERAJAAN BANTU GOLONGAN KURANG BERNASIB BAIK		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/18/kerjasama-kukuh-sektor-korporat-agensi-kerajaan-bantu-golongan-kurang-bernasib-baik	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	NGO PERLU BANTU MEMPERKASA PERANAN WANITA – AZIZAH		POSITIF
	https://sabahmedia.com/2025/03/18/ngo-perlu-bantu-memperkasa-peranan-wanita-azizah/	SABAHMEDIA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	RISIKO NIKAH BAWAH UMUR		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/03/risiko-nikah-bawah-umur/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



19/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	FORMER COP WHO ALLEGEDLY RAPED NIECE FINALLY BROUGHT TO JUSTICE 16 YEARS LATER		NEGATIF
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/03/1189940/former-cop-who-allegedly-raped-niece-finally-brought-justice-16	NST.COM.MY	
	https://suarasarawak.my/bekas-penjawat-awam-didakwa-atas-tuduhan-rogol-anak-saudara/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/18/bekas-koperal-polis-mengaku-tidak-bersalah-rogol-anak-saudara	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.iloveborneo.my/bekas-koperal-ditahan-kes-rogol-kuching/	ILOVEBORNEO.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/18/kes-rogol-selepas-hampir-16-tahun-lari-bekas-koperal-akhirnya-dituduh/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/18/former-cop-on-the-run-for-16-years-over-nieces-rape-finally-caught-pleads-not-guilty-in-kuching-court/170014	MALAYMAIL.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/18/ex-cop-charged-with-raping-niece-after-nearly-16-years-on-the-run/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.sarawaktribune.com/ex-cop-claims-trial-to-raping-niece/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://dayakdaily.com/kuching-ex-cop-pleads-not-guilty-to-raping-underage-niece-after-16-years-on-the-run/	DAYAKDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	BURUH DIDAKWA ROGOL ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1198158/buruh-didakwa-rogol-anak-tiri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/buruh-ladang-didakwa-rogol-anak-tiri-di-rumah-kongsi/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1374019/buruh-tak-mengaku-rogol-anak-tiri	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



300 Ketua Isi Rumah DUN Ayer Kuning Terima Bantuan JKM

🕒 18/03/2025 03:09 PM



Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad (dua kiri) menyampaikan bakul makanan pada Program Santunan Kasih Kerajaan Negeri Perak bersama Penerima Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak di Dewan Serbaguna Ayer Kuning. Turut bersama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita Keluarga Kebajikan Masyarakat Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed (tiga kiri) dan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Datuk Che Murad Sayang Ramjan (kir). -- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

TAPAH, 18 Mac (Bernama) -- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyalurkan bantuan kepada 300 ketua isi rumah (KIR) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning di sini membabitkan peruntukan keseluruhan RM150,000 sebulan.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad berkata penerima terdiri daripada golongan miskin, warga emas serta Orang Kurang Upaya (OKU) yang menerima bantuan wang tunai dengan jumlah berbeza mengikut kategori masing-masing.

"Ada warga emas menerima RM600, OKU seperti cacat penglihatan dapat RM500 sebulan, lain-lain kategori dan nilainya (bantuan wang tunai) berbeza," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Program Santunan Kasih Kerajaan Negeri bersama penerima bantuan JKM yang turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Salbiah Mohamed di sini hari ini.

Dalam pada itu, Salbiah berkata berdasarkan data penerima bantuan JKM sehingga Februari tahun ini, 52,057 orang menerima manfaat daripada semua skim bantuan bulanan JKM sama ada skim bantuan kerajaan Persekutuan atau negeri.

"Kerajaan negeri memperuntukkan RM45.94 juta pada tahun ini untuk pelbagai jenis bantuan yang dapat memberi manfaat kepada 6,000 penerima," katanya.

Salbiah dalam ucapannya berkata antara usaha kerajaan negeri untuk menektahkan kemiskinan tegar disumbang oleh sinergi yang digerakkan melalui Task Force Gerak Kerja Pembasmian Kemiskinan Tegar Negeri Perak.

Beliau berkata gerak kerja itu dibentuk melalui penglibatan semua agensi pemberi bantuan bersama pentadbiran daerah seluruh Perak, serta pelaksanaan Inisiatif One Stop Centre Sejahtera Sosial yang menghimpunkan semua agensi berkaitan dengan pembasmian kemiskinan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perak peruntuk RM245,000 naik taraf lapan rumah anak yatim



SAARANI Mohamad (tengah) bersama penerima cek tanggungjawab sosial masyarakat SKM di Tapah hari ini. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM 18 Mac 2025, 7:54 pm

TAPAH: Perak memperuntukkan RM245,000 bagi tujuan menaik taraf infrastruktur lapan pertubuhan, rumah kebajikan kanak-kanak dan anak yatim di negeri ini untuk mereka dapat menjalani kehidupan yang selesa seperti insan lain.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed berkata, lapan organisasi itu ialah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Dan Miskin Ar-Ridwani, Ipoh dengan peruntukan sebanyak RM45,500.

"Pertubuhan Badan Kebajikan Anak-Anak Yatim Darul Aitam (Busarah) Temoh, Tapah (RM29,500), Pertubuhan Badan Kebajikan Anak-Anak Yatim Darussalam, Ipoh menerima RM36,000.

"Selain itu, Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Dan Miskin Dahikmah Gopeng (RM30,000), Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Tasawwur Islam Perak, Semanggol (RM30,000), Yayasan Anak Yatim Darussakinah, Teluk Intan (RM18,000).

"Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Dan Warga Miskin Bait Al-Amin, Parit (RM26,000) dan Badan Khidmat Islam Perak (BAKIP) sebanyak RM30,000," katanya di sini hari ini.

Terdahulu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad menyampaikan ucapan sebelum merasmikan Program Dari Mata Turun Ke Hati, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cakna Komuniti di Maahad Tahfiz Al Quran Al Ahmad, Tapah Road, Tapah di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi SKM, Leftenan Jeneral (B) Datuk Ahmad Norihan Jalal.

Saarani turut menyampaikan cek cura tanggungjawab sosial masyarakat SKM kepada enam maahad tahfiz dan persatuan di negeri ini dengan setiap satu RM1,000 dengan nilai keseluruhan RM6,000 bagi menampung kos operasi institusi terbabit.

Enam maahad tahfiz dan persatuan itu ialah Maahad Tahfiz Al Quran Al Ahmad Tapah Road, Madrasah Tahfiz Firdaus Al-Warisi, Jalan Pahang, Tapah, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat ADDIN 4, Maahad Tahfiz Al-Quran Addin Air Kuning.

Selain itu, Maahad Tahfiz Darul Iman Sungkai dan Pertubuhan Kebajikan Yayasan Anak Yatim Piatu Darul Aitam. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak, dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah ketika merasmikan Majlis Sejambak Kasih Aidilfitri Bahagian Miri Tahun 2025 di Perkarangan Dynasty Hotel, Miri, hari ini. Foto TVS

Aidilfitri: 738 klien JKM bantuan Sejambak Kasih di Miri

By Tasha Jenkins Likan Anak Siti #bm, Berita Sarawak March 18, 2025 5:37 PM

MIRI, 18 Mac: Program Sejambak Kasih Aidilfitri anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyaksikan seramai 738 penerima bantuan di Miri menerima sumbangan dalam bentuk wang tunai dan hamper sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak, dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, bagi tahun 2025 seramai 738 orang yang menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri daripada 4,546 orang penerima jumlah keseluruhan penerima bantuan bulanan kebajikan di Miri.

"Sejambak Kasih bukan sahaja dianjurkan sempena Aidilfitri, tetapi juga semasa Tahun Baharu Cina dan Gawai, menjadikan program ini berlangsung sebanyak tiga kali setahun.

"Sumbangan yang diberikan merangkumi wang tunai RM100 oleh JKM dan hamper bernilai RM150 daripada Dynasty Hotel, menunjukkan keprihatinan berterusan terhadap kebajikan penerima bantuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sejambak Kasih Aidilfitri Bahagian Miri Tahun 2025 di Perkarangan Dynasty Hotel, Miri, hari ini.

Selain membantu golongan kurang berkemampuan menyambut perayaan dengan lebih bermakna, inisiatif ini juga memperkukuh keharmonian sosial dalam masyarakat Sarawak.

Penerima manfaat terdiri daripada golongan warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), serta pesakit terlantar yang menerima bantuan bulanan daripada JKM.

"Kerajaan Sarawak melalui Gabungan Parti Sarawak (GPS) turut menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan kebajikan rakyatnya terjamin.

"Antara inisiatif yang telah diperkenalkan termasuk Skim Bantuan Kesihatan Warga Emas yang membolehkan penerima bantuan bulanan berusia 60 tahun ke atas mendapatkan pemeriksaan kesihatan bernilai RM500 setahun di Klinik panel yang terpilih," katanya lagi.

Selain itu, menurut Fatimah kerajaan negeri juga menyediakan bantuan bagi pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis di pusat dialisis swasta atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

"Kos rawatan yang tinggi sebanyak RM120 bagi setiap sesi mencuci darah, tiga kali seminggu, dibiayai sebahagiannya oleh kerajaan untuk meringankan beban pesakit," jelasnya.

Bantuan turut diberikan kata Fatimah kepada pesakit yang memerlukan rawatan khusus seperti kanser dan pemindahan organ termasuk implan koklea serta alat gantian tiroid.

"Bagi tahun 2025, seramai 16,118 penerima di seluruh Sarawak akan mendapat manfaat daripada program Sejambak Kasih dengan peruntukan sebanyak RM1.6 juta daripada kerajaan negeri. Ini menunjukkan komitmen berterusan dalam memastikan kesejahteraan rakyat terutama golongan yang kurang berkemampuan terus terbela," ujarnya. – TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Asnaf, golongan istimewa dirai bersama TM-JKM

March 18, 2025



KOTA BHARU: Seramai 150 asnaf dan insan istimewa diraikan dalam program Cahaya Ramadan Telekom Malaysia (TM) 2025 anjuran bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Majlis itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan, Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman.

Dalam ucapannya beliau berkata, usaha itu sebagai tanda keprihatinan korporat terhadap golongan yang memerlukan khususnya ketika menyambut Ramadan dan hari raya tidak lama lagi.

Malah beliau berkata, tanggungjawab sosial korporat (CSR) tidak hanya mengekang masalah kemiskinan dalam kalangan rakyat bahkan memberi latihan melahirkan pekerja berkualiti.

"Perniagaan dalam Islam bukan sekadar aktiviti ekonomi, tetapi juga satu bentuk ibadah. Prinsip seperti keadilan, kejujuran dan sedekah perlu diterapkan dalam perniagaan berteraskan agama.

"Inilah ditunjukkan Telekom Malaysia pada hari ini," katanya pada majlis dihadiri Pengurus Besar TM Wilayah Timur, Hairul Anwar Ismail dan wakil JKJ Kelantan, Azman Mat Zin. –

HARAKHADAILY 18/3/2025

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerjasama kukuh sektor korporat, agensi kerajaan bantu golongan kurang bernasib baik

© March 18, 2025, Selasa - 5:54pm



Seorang penerima warga emas tidak dapat menahan sebak saat menerima bantuan daripada Fatimah, sambil disaksikan (dari kanan) Tan, Tony, Rosey, Semawi dan Vivian di Miri, hari ini.

MIRI: Kerjasama kukuh antara sektor korporat dengan agensi kerajaan bagi membantu golongan kurang bernasib baik di sini, yang berterusan dalam jangka masa panjang adalah sesuatu yang wajar dipuji dan dicontohi kerana ia tidak terdapat di mana-mana negara lain.

Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, kerjasama erat yang terjalin selama 23 tahun di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Hotel Dynasty Miri menunjukkan komitmen kukuh dalam membantu komuniti setempat.

“Sukar untuk melihat kerjasama yang sangat baik seperti ini yang dapat bertahan selama 23 tahun dalam menganjurkan aktiviti yang sangat baik seperti ini.

“Sepanjang 23 tahun ini, Hotel Dynasty dan JKJ bekerjasama menghulurkan bantuan pada musim perayaan kepada penerima bantuan bulanan (JKM) iaitu Sejangkak Kasih Tahun Baharu Cina, Sejangkak Aidilfitri dan Sejangkak Kasih Hari Gawai.

“Tanpa sebarang perjanjian tetapi persefahaman yang amat baik dan susah untuk dicari di mana-mana jua atau di negara-negara lain,” ujarnya.

Fatimah berkata demikian semasa berucap merasmikan program penyampaian bantuan anjuran bersama Hotel Dynasty dan JKJ Bahagian Miri, iaitu Sejangkak Kasih Hari Raya Aidilfitri 2025, di sini, hari ini.

Katanya, hasil daripada kerjasama erat ini penerima bantuan bulanan JKJ termasuk warga emas telah memperoleh manfaatnya.

“Kita tidak mahu ada yang merasakan mereka dilupakan atau dipinggirkan pada musim perayaan dan program Sejangkak Kasih ini kita sampaikan bantuan kepada mereka agar membawa keceriaan kepada penerima,” tambahnya.

Bagi tahun 2025, 738 orang menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri daripada 4,546 penerima bantuan bulanan kebajikan di Miri.

Bagaimanapun hanya 150 yang dijemput hadir pada majlis tersebut manakala 100 penerima lain telah menerima wang tunai di Majlis Sejangkak Kasih Hari Raya Aidilfitri 2025 di Dewan Masyarakat Bekenu pada 13 Mac lalu.

Seramai 488 lagi yang tidak berpeluang hadir turut akan menerima sumbangan RM100 yang akan dikreditkan ke akaun masing-masing.

Sementara itu, Pengarah Urusan Hotel Dynasty Tony Pui memberitahu, melalui kerjasama itu pihak Hotel Dynasty telah memberikan hamper barangan keperluan makanan bernilai RM150 manakala JKJ memberikan duit raya berjumlah RM100.

“Acara hari ini telah menandakan acara tahunan ini yang berlangsung sejak 25 tahun lalu dan sudah 23 tahun bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Miri.

“Sebagai sebuah organisasi yang prihatin, kami sentiasa mahu memupuk semangat pemurah untuk mengambil berat dan memberi dalam kalangan kakitangan kami.

“Kita juga akan sentiasa mencuba dalam pelbagai cara untuk terus tampil membantu rakyat Miri yang kurang bernasib baik,” katanya.

Turut hadir Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Sarawak Datuk Rosey Yunus, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Datu Felicia Tan Ya Hua, Pengarah JKJ Sarawak Semawi Mohamad dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri Vivian Engkiang.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



NGO perlu bantu memperkasa peranan wanita – Azizah

By editor03 March 18, 2025



Azizah (duduk tengah) dan Dr Rem sedang mengadakan perbincangan meja bulat wanita IDS di SICC, hari ini.

KOTA KINABALU: Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) diminta mengukuhkan sokongan memperkasakan agenda wanita di Sabah bagi membolehkan golongan berkenaan mampu menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan pembangunan negeri dengan lebih berkesan.

Pengerusi Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS), Datuk Seri Azizah Mohd Dun berkata, sokongan tersebut boleh diterjemahkan melalui penganjuran program latihan, pendidikan, keusahawanan serta advokasi hak wanita.

Menurut beliau, bantuan NGO bakal membuka ruang dan peluang kepada lebih ramai wanita untuk berdikari dan meningkatkan taraf hidup mereka sekali gus menjadikan mereka lebih berperanan dalam sektor ekonomi dan pembangunan.

"Kita perlu terus menyokong dan berkolaborasi dengan NGO untuk memastikan usaha ini dapat diteruskan dan diperluaskan. Melalui penyelidikan dan dasar yang berimpak tinggi, IDS komited untuk memperkasa peranan dan bakat wanita.

"Kita percaya bahawa dengan pendekatan yang bersepadu, kita boleh menghasilkan perubahan yang lebih bermakna dan berkekalan. Kita perlu memastikan suara wanita terus didengar dalam pembentukan dasar dan keputusan penting," katanya semasa berucap pada Perbincangan Meja Bulat Memperkasa Wanita: Menuju Masa Hadapan Yang Lebih Inklusif (Perspektif NGO) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini hari ini.

Azizah berkata, wanita hari ini bukan lagi sekadar penerima manfaat, tetapi juga pencipta perubahan dalam masyarakat.

Katanya, keterlibatan wanita dalam aktiviti sosial akan dapat memperkasakan komuniti melalui aktiviti seperti kerja amal, kemasyarakatan, pendidikan dan sokongan kebajikan, manakala dengan menceburi bidang perniagaan, keusahawanan dan sektor pekerjaan, wanita turut membantu meningkatkan pendapatan isi rumah serta merangsang pertumbuhan ekonomi.

"Berdasar kajian, penyertaan wanita dalam kepimpinan di Sabah masih memerlukan usaha yang lebih berstruktur, wanita hanya menjawat 14 peratus komposisi pembuat keputusan dalam sektor awam negeri, 22 peratus jawatan ahli lembaga pengarah dan CEO dalam syarikat GLC.

"Mereka juga hanya 24 peratus memegang ahli lembaga pengarah dan CEO dalam agensi badan berkanun negeri, manakala pada kedudukan sangat rendah sebagai pembuat keputusan dalam pihak berkuasa tempatan.

"Namun sebaliknya, 69.3 peratus daripada pemilik perniagaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) adalah wanita, menunjukkan dominasi wanita dalam sektor keusahawanan," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan data itu, dapat dirumuskan bahawa angka tersebut masih belum mencerminkan potensi sebenar wanita dalam pelbagai jenis sektor.

Sehubungan itu katanya, program keusahawanan wanita harus diberi lebih sokongan bagi melonjak wanita dalam perniagaan kecil dan sederhana melalui akses kepada modal, latihan, serta pasaran yang lebih luas.

"Kita harus memastikan bahawa ekosistem perniagaan yang lebih kondusif diperkasakan untuk menyokong golongan wanita, dimana mereka diberi ruang untuk terlibat secara aktif dalam agenda sosio-ekonomi negara.

"Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dalam memperkasakan wanita menerusi pelbagai program, kursus dan latihan serta bimbingan mengenai pengurusan kewangan dalam bidang keusahawanan dimana sebanyak 17,290 wanita telah menerima manfaat dari inisiatif ini," ujar beliau.

Tambah Azizah, antara contoh program yang dilaksanakan bagi memperkukuhkan ekonomi kaum wanita khususnya ibu tunggal dan suri rumah yang kehilangan ketua rumah tangga ialah program berasaskan konsep 'circular economy' iaitu Program Ekonomi Pembangunan Mampuan (OMEGA) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Risiko nikah bawah umur



NORFAZIERA Muda berharap perkahwinan awal ketika remaja kekal ke akhir hayat. – UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

Oleh: ROSLIZA MOHAMED 18 Mac 2025, 7:00 am

KOTA BHARU: Pernikahan bawah umur disebabkan masalah keluarga, kemiskinan dan terlanjur, banyak mengundang risiko termasuk perceraian ekoran tiada kematangan dan persefahaman dalam melayari bahtera rumah tangga.

Ia terbukti hasil temubual Utusan Malaysia dengan beberapa wanita muda di Kelantan yang antaranya berkahwin pada usia 16 tahun namun, menemui kegagalan selepas lima tahun bernikah dengan pasangan berusia dua atau tiga tahun lebih tua daripada mereka

Seorang wanita muda yang ditemui, Bella, 21, mengakui ketika wanita seusianya masih menyambung pengajian di menara gading atau sibuk dengan gajet, dia mempunyai tanggungjawab cukup besar, perlu membesarkan tiga anak yang masih kecil selepas bercerai dengan suaminya.

"Ketika ini kami dalam proses bercerai. Saya berkahwin semasa berusia 16 tahun selepas hanya bersekolah sehingga tingkatan dua kerana mempunyai masalah keluarga.

"Perkahwinan saya dan suami diuruskan sepenuhnya oleh mentua yang mempunyai hubungan keluarga. Sebagai seorang wanita, sudah semestinya saya mahu perkahwinan ini kekal hingga akhir hayat. Namun, apakan daya ia hanya bertahan selama lima tahun," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bella berkata, dia sepatutnya menamatkan pelajaran di bangku sekolah terlebih dahulu dan membina kehidupan lebih baik sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan.

"Namun sebaliknya berlaku, masa tidak boleh diundur. Hendak menyesal sekarang pun tiada guna.

"Jadi, saya anggap apa yang berlaku ini sebagai sebahagian daripada takdir," ujarnya.

Katanya, berkahwin di usia muda banyak cabaran yang menuntut seseorang itu perlu mempunyai mental kuat dan tidak mudah 'koyak' serta tenang dalam membuat setiap keputusan.

Katanya, setiap keputusan yang diambil meninggalkan kesan baik dan buruk kepada rumah tangga.

Sementara itu, Norfaziera Muda, 27, mengakui banyak cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi oleh pasangan berkahwin muda namun sifat torelansi dan bertolak-ansur merupakan solusi terbaik dalam mengharungi gelora rumah tangga.

"Sebelum berkahwin, saya belajar di sebuah sekolah pondok di Tumpat semasa berusia 12 tahun hingga 17 tahun. Saya mengenali suami semasa pulang ke kampung di Terengganu sekitar 2015 dan ketika itu dia menyewa berhampiran kawasan rumah ibu bapa.

"Selepas berkenalan dalam tempoh yang singkat, kami kemudian memilih mendirikan rumah tangga pada Julai 2015. Dua tahun kemudian, saya berpindah ke Kampung Pauh Lima, Bachok dan membuka sebuah spa," ujarnya.

Norfaziera berkata, hasil perkahwinan itu, dia dikurniakan tiga cahaya mata perempuan berusia sembilan bulan, empat dan tujuh tahun.

"Ibu saya turut berkahwin muda pada usia 16 tahun. Alhamdulillah, perkahwinan ibu dan ayah (Muda Abdullah) kekal hingga kini.

"Selain itu, tiga kakak saya turut berkahwin ketika usia 16 tahun dan masing-masing dikurniakan anak. Alhamdulillah, semuanya kekal bahagia," katanya. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Former cop who allegedly raped niece finally brought to justice 16 years later

By [New Straits Times](#) - March 18, 2025 @ 5:46pm



A former policeman who has been on the run for 16 years claimed trial in the Kuching Sessions Court in Sarawak today for raping his underage niece. — FILE PIC

KUALA LUMPUR: A former policeman who has been on the run for 16 years claimed trial in the Kuching Sessions Court in Sarawak today for raping his underage niece.

The 57-year-old former police corporal faced a maximum jail sentence of 20 years and rotan upon conviction.

The Borneo Post reported that the accused allegedly committed the offence against the child at a house in Petra Jaya, near Kuching, between 2003 and June 21, 2009.

It is learned that the accused had been on the run since the victim lodged a report on July 20, 2009.

He had changed his name before fleeing to Indonesia, where he successfully obtained citizenship and had a foster family.

Based on information provided by the accused's family members, he was apprehended at Kuala Lumpur International Airport here on March 7 while preparing to depart to Indonesia.

Deputy public prosecutor Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff appeared for the prosecution, while the accused was represented by lawyer Abdul Rahman Mohamad Hazmi.

Rahman applied for bail, contending that his client was no longer residing in the same area as the victim.

However, Aiman did not offer bail for the accused, as the charge involved a non-bailable offence.

Judge Iris Awen Jon rejected the bail application and set the case mention for April 21.

The victim claimed she had been raped approximately seven times between 2003 and June 21, 2009, beginning when she was 7 years old and up to age 12.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buruh didakwa rogol anak tiri

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



Buruh ladang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Muar atas pertuduhan rogol anak tiri di rumah kongsi. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Buruh ladang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol anak perempuan tirinya di sebuah rumah kongsi ladang sawit, lima tahun lalu.

Tertuduh berusia 41 tahun, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dikemukakan jurubahasa di hadapan Hakim Nariman Badruddin.

Mengikut pertuduhan, bapa kepada empat anak itu didakwa merogol anak tirinya yang ketika itu berusia 15 tahun di sebuah rumah kongsi di Segamat, jam 11 malam, Jun 2020.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara sehingga 30 tahun dan juga sebatan tidak kurang 10 kali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh diwakili peguam, Safiah A Aziz.

Terdahulu pihak pendakwaan tidak menawarkan ikat jamin terhadap tertuduh serta memohon mahkamah menetapkan syarat tambahan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM18,000 dengan dua penjamin. Tertuduh kemudian membayar ikat jamin terbabit.

Selain itu, mahkamah turut memerintahkan tertuduh supaya melapor diri di balai polis berhampiran sebulan sekali serta tidak boleh mengganggu atau berhubung dengan saksi pendakwaan terutama mangsa.

Kes disebut semula pada 30 April ini untuk serahan dokumen.